

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>139 plastic plants closed</u>	Edge Prop	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Will Malaysia become Southeast Asia's clean energy leader?</u>	Eco-Business	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Hot weather in Malaysia to continue until April</u>	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Berdamai dengan alam demi selamatkan Tasik Chini</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Penduduk tak tahan pencemaran bau asap</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
6.	<u>22 titik panas dikesan di Pahang / Fenomena Cuaca Panas : 22 Titik Panas</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1
7.	<u>Cuaca panas: Sekolah diarah kurangkan aktiviti luar, sedia air minuman mencukupi</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Waspada amaran gelombang haba!</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Kadar pengeluaran air di empangan menurun akibat kemarau</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Cuaca panas: Hadkan aktiviti, banyak sedekah dan doa</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Strok haba: Warga kota siap siaga hadapi</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
	<u>gelombang panas</u>		berita
12.	<u>Gelombang haba: Suhu kekal 35 darjah Celsius</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Henti pembakaran terbuka semasa cuaca panas</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Selangor, Nilai risiko kebakaran hutan</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Hutan Selangor, Nilai berisiko terbakar</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 2
16.	<u>Industri bioteknologi sudah berkubur?</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 3
17.	<u>Heatwave Havoc</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
18.	<u>What's Up with The Sun?</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 5
19.	<u>Cambodia Invites Bids for a 60 MW Solar Project</u>	Mercom India	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Bedah siasat kedua temui kesan cedera kepala, muka</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
21.	<u>Lapan kawasan masih dilanda cuaca panas terik</u>	Kosmo	Rujuk lampiran 6
22.	<u>Taksi miliki SMART AI</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7

23.	<u>Gelombang haba fenomena berulang</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 8
24.	<u>Perlis tarik pelabur asing</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Pencemaran kenderaan diesel punca kematian meningkat</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
26.	<u>These Countries Produce the Most Plastic Waste</u>	The Street	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
27.	<u>Kapal angkasa Jepun tembak peluru ke dalam asteroid</u>	Kosmo	Rujuk lampiran 9
28.	<u>Bongkah ais gergasi hampir terpisah dari Antartika</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
29.	<u>Kapal angkasa Jepun tembak peluru ke dalam asteroid</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Ikan dayung ditangkap, pembawa gempa bumi dan tsunami</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1 (SAMB.) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20 TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Paras air lapan empangan memuaskan

Kuala Lumpur: Paras air di lapan empangan utama di Lembah Klang masih berada pada tahap memuaskan dengan tujuh daripadanya mencatatkan bacaan melebihi 90 peratus daripada jumlah takungan meskipun negara kini berdepan cuaca panas.

Menurut data di laman sesawang rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), empangan terbesar iaitu Langat mencatatkan kadar 94.07 peratus (32.07 juta liter padu), manakala Sungai Selangor, 97.69 peratus atau 224.7 juta liter padu.

Empangan Batu pula mencatat bacaan 94.32 peratus (30.12 juta liter padu) dan Semenyih, 99.82 peratus atau 58.96 juta liter padu.

Empangan Sungai Tinggi turut merekodkan bacaan paras air yang memuaskan iaitu 97.16 peratus takungan atau 111.25 juta liter padu manakala Tasik Subang

masih memiliki takungan sebanyak 97.71 peratus atau 4.11 juta liter padu.

Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) pula mencatatkan bacaan 98.09 peratus takungan atau 9.10 juta liter padu air dan hanya Empangan Klang Gates merekodkan takungan bawah 90 peratus iaitu, 89.59 peratus atau 22.70 juta liter padu.

Empangan terbabit menyalurkan bekalan air kepada pengguna di Kuala Lumpur, Putrajaya dan negeri berkenaan. Dalam pada itu,

di Kedah, Empangan Muda merekodkan bacaan takungan sebanyak 56.84 peratus, Empangan Pedu 81.45 peratus dan Empangan Ahning 72.69 peratus baki takungan, manakala di Perlis, Empangan Timah Tasoh juga masih memiliki bekalan air pada tahap memuaskan iaitu 73.22 peratus.

Dua empangan utama di Pulau Pinang turut mencatatkan paras yang memuaskan iaitu Empangan Air Itam (64.6 peratus) dan Empangan Teluk Bahang,

(77.4 peratus), manakala Empangan Mengkuang merekodkan bacaan di bawah paras separuh daripada jumlah takungan iaitu 45.8 peratus.

Di Perak, Empangan Bukit Merah merekodkan bacaan paras air pada tahap 9.13 meter (m), melebihi paras normal 8.7 m, manakala bacaan paras air semasa di Empangan Sultan Azlan Shah adalah pada 244.29 m iaitu hampir mencapai tahap maksimum, 245 m.

Di Pahang, Empangan Chereh, Sungai Sebeling masih mencatatkan bacaan normal iaitu 65 meter, manakala di Kelantan, paras air di Empangan Bukit Kwong, Rantau Panjang juga berada pada tahap normal iaitu 16.76 m.

Menurut Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS), bacaan terkini pada jam 9 pagi semalam mendapati paras air di Empangan Sungai Terip adalah pada tahap 95.96 peratus, Kelinci (77.53 peratus), Talang (99.93 peratus), Gemencheh (72.09 peratus) dan Teriang (96.99 peratus).

FAKTA

Laman sesawang rasmi LUAS menunjukkan empangan terbesar iaitu Langat catat kadar 94.07 peratus (32.07 juta liter padu)

Ikan tak sihat suhu meningkat



MUHAMMAD Nizam mengeluarkan ikan yang mati dari sangkar.

Sungai Petani: Petani dan pengusaha kolam ikan sekitar daerah ini antara yang terjejas berikutan cuaca panas melanda negara.

Pengusaha kebun pelbagai jenis sayuran, Nor Humat Zah Ismail, 42, berkata, kos pengurusan kebun sayurannya meningkat sekali ganda berikutan peningkatan penggunaan air.

"Sebelum ini, sekiranya tanaman disiram sekali dalam sehari, tiada masalah, tapi sejak kebelakangan ini tanaman perlu disiram dua kali iaitu pagi dan petang.

"Jika tidak, pokok layu dan ada yang mati. Hasil tanaman juga tidak begitu banyak, kalau menjadi pun buahnya mengecil," katanya ketika ditemui di kebun sayuran

miliknya di Tikam Batu di sini, semalam.

Tambahnya, waktu ke kebun juga perlu dipercepatkan bermula 7.30 pagi sehingga 9 pagi saja kerana cuaca semakin panas selepas itu.

"Pada waktu petang, selepas jam 6 petang baru boleh turun ke kebun. Sebelum itu cuaca terlalu panas dan tidak sesuai untuk aktiviti berkebun," katanya.

Penjaga pusat memancing ikan di Sungai Layar, Muhammad Nizam Abdullah 22, pula berkata, hampir setiap hari puluhan ikan di kolam mereka didapati tidak sihat berikutan suhu air yang meningkat pada waktu tengah hari.

Ia sekali gus menyebabkan ikan berkenaan tidak boleh dibebaskan ke dalam kolam dan perlu dirawat di dalam sangkar sehingga benar-benar sihat semula.

"Suhu air yang meningkat menyebabkan badan ikan mengalami kecederaan seperti sisik terkeluar selain mata berselaput.

"Ada juga ikan yang mati disebabkan ia tidak makan kerana suhu air yang terlalu panas," katanya.

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 21
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Hutan Sepang, Nilai berisiko terbakar

Seremban: Sepang, Selangor dan Nilai, Negeri Sembilan berisiko tinggi berlaku kebakaran hutan, terutama ketika musim panas.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid, berkata dua kawasan itu sering dilaporkan terbakar, setiap tahun.

Beliau berkata, JBPM mengkategorikan ia sebagai kawasan berisiko berlaku kebakaran dan menempatkan anggota bersejua di kawasan berkenaan sepanjang cuaca panas ini.

"Bomba menerima amaran daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia**, semalam (kelmarin). Kita akan memantau Sepang dan Nilai serta tempat pembuangan sampah.

"Kita sensitif kepada kawasan Sepang kerana ia laluan penerbangan. Malahan, kawasan itu juga mempunyai tanah gambut paling besar di Lembah Klang," katanya pada sidang media selepas Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JBPM 2018 di JBPM Negeri Sembilan di sini, semalam.

Mohammad Hamdan berkata, bomba seluruh negeri bersiap sedia menghadapi cuaca berkenaan dan menasihati orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka.

Mengikut rekod di Negeri

Sembilan, 364 kes kebakaran hutan sudah direkodkan bagi tempoh 1 Januari hingga 18 Februari lalu dan jumlah itu meningkat sebanyak 79.31 peratus berbanding 203 kes bagi tempoh sama, tahun lalu.

Di **Kuantan**, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengesan 22 titik panas di seluruh negeri ini sepanjang bulan ini, sekali gus boleh mengakibatkan penurunan kualiti udara.

Titik panas meningkat

Pengarah JAS Pahang, Rosli Zul, berkata peningkatan mendadak titik panas sepanjang bulan ini berpunca daripada pembakaran terbuka di kawasan seperti ladang, belukar dan tanah gambut.

"Ia juga berpunca pembakaran terbuka, sama ada disenga-

jakan ataupun tidak, serta memberi kesan kepada kualiti udara yang boleh mengakibatkan jerebu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, sehingga semalam, pihaknya mengesan lima titik panas di negeri ini iaitu di Sungai Karang dan Hulu Lepar, Kuantan, manakala satu kes masing-masing di Bera, Rompin dan Pekan.

Rosli berkata, pembakaran terbuka boleh dikenakan kompaun maksimum RM2,000 atau denda RM500,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.


Orang ramai diminta mela-

porkan segera ke JAS di talian bebas tol 1-800-88-2727 sekiranya mempunyai maklumat mengenai individu memulakan pembakaran sehingga merebak ke kawasan lebih besar.

Di **Kota Tinggi**, Empangan Sungai Lebam, di Bandar Penawar, dekat sini, mencatatkan bacaan 10.9 meter iaitu di bawah paras kritikal, berbanding paras normal iaitu 14 meter.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti negeri Johor, Jimmy Puah Wee Tse, berkata situasi terbabit belum pada tahap membimbangkan dan bekalan air di empangan itu boleh bertahan sehingga 72 hari sekiranya cuaca panas berterusan.

Kesan hutan terbakar
di Nilai,
semalam.



LAMPIRAN 3

UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19

TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Industri bioteknologi sudah berkubur?

SAUDARA PENGARANG,

SAYA terpenggil untuk menulis setelah terbaca satu berita mengenai program yang akan dianjurkan oleh Malaysia Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corp) dalam sebuah akhbar pada 21 Februari lalu.

Amat memeranjatkan apabila mengetahui Bioeconomy Corp telah berpindah dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Apakah rasional di sebalik perpindahan itu?

Bioeconomy Corp yang nama asalnya Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Biotech Corp) adalah agensi pembangunan ekonomi berasaskan biologi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** untuk menyediakan sokongan, bantuan dan nasihat kepada syarikat bioteknologi dan sains hayat di Malaysia.

Tiga teras utama cabang bioteknologi yang menjadi tumpuan Bioeconomy Corp adalah pertanian, kesihatan/perubatan dan industri. Ingin ditekankan di sini, bioteknologi bukan sahaja menjurus kepada pertanian semata-mata.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Ke-10, Biotech Corp diperuntukkan RM300 juta untuk meningkatkan keupayaan industri bioteknologi negara melalui geran pengkomersialan Bionexus, program pemerolehan teknologi dan peralatan serta pelbagai lagi. Sangat rugi jika pelaburan oleh

kerajaan untuk pembangunan industri bioteknologi sejak 2005 berkubur begitu sahaja apabila skop hanya kepada sektor pertanian.

Sektor bioperubatan telah bertapak dan berkembang atas usaha Biotech Corp sejak 2005 dan menjadi perhatian dunia. Sebagai contoh, syarikat biofarmaseutikal dari India, Biocon melabur lebih AS\$160 juta (RM512 juta) di Johor untuk menghasilkan insulin secara pengilangan dan bukan daripada sumber haiwan.

CCM Duopharma Biotech Bhd. dilantik menjadi penjual INSUGEN iaitu insulin manusia rekombinan oleh Biocon dengan kontrak pembekalan kepada Kementerian Kesihatan bernilai RM300.04 juta bagi tiga tahun.

Ia adalah insulin generik pertama diperkenalkan di negara ini yang membolehkan akses biofarmaseutikal berkualiti lebih besar untuk pesakit kencing manis. Penggunaan insulin generik mempunyai potensi untuk mengurangkan kos rawatan pesakit diabetes dan pada masa sama, meningkatkan akses pesakit untuk mendapat rawatan.

Kejayaan projek bioteknologi ini memberi impak besar dalam sektor kesihatan Malaysia. Adakah dengan pertukaran Bioeconomy Corp ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, industri bioperubatan serta bidang biologi lain selain pertanian akan terkubur?

Meneliti hala tuju kementerian berkenaan sahaja sudah cukup untuk membuktikan bioteknologi

bukanlah sebahagian daripada agendanya. Bioteknologi adalah satu industri, sama tarafnya dengan industri pertanian malah jumlah pelaburan dalam industri bioteknologi berkali-kali ganda lebih tinggi daripada industri pertanian.

Adakah pertukaran ini agenda pihak pengurusan baharu Bioeconomy Corp yang mana apabila diselidik, kesemuanya bukanlah daripada bidang bioteknologi atau berpengalaman dalam industri bioteknologi?

Apabila diselidik dengan lebih mendalam, didapati tiada lagi kedengaran pelaburan baharu serta aktiviti dalam bidang bioteknologi sejak bertukar pihak pengurusan tertinggi. Adakah pihak pengurusan baharu yang dikatakan tidak kompeten menyebabkan industri bioteknologi semakin merudum, lalu terpaksa disedekahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani?

Atau juga adakah pertukaran ini berlaku akibat perebutan antara kementerian seperti yang hangat diperkatakan? Kami di pihak industri amat berharap supaya nasib bidang bioteknologi tidak diperjudikan atas nafsu politik semata-mata.

Industri bioteknologi masih baharu di negara ini dan memerlukan bantuan serta fokus yang lebih daripada kerajaan. Diharap pertukaran Bioeconomy Corp ke kementerian baharu tidak diteruskan demi kepentingan industri.

DR. ISKANDAR WONG
NeuroBiologics



BIOCON yang diasaskan oleh billionaire bioteknologi India, Kiran Mazumdar-Shaw (kanan) telah melabur lebih RM512 juta di Johor sejak 2011 untuk menghasilkan insulin. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

LAMPIRAN 4 NEW STRAITS TIMES (SPORT): MUKA SURAT 78 TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

HOCKEY

HEATWAVE HAVOC

Matches forced to be played under 'extreme' temperatures due to unavailability of stadiums

JUGJET SINGH
jugjet@nst.com.my

Poor maintenance at seven stadiums has led to the Malaysia Hockey League's TNB Cup semifinals being held at a 'torturous' 3pm and 5pm at the Tun Razak Stadium under a scorching heat yesterday.

The Google weather report showed an intimidating 36 degrees Celsius when the first semifinals started.

But for the players on the pitch, it's even worse as it's always two degrees hotter on the artificial pitch as water evaporates. Many of them will tell you that.

The Meteorological Department of Malaysia had sent out warnings of a heat-wave striking the nation until the end of next month, and even the National Sports Institute (NSI), on its Twitter account yesterday, had

advised athletes to take precaution when playing under the hot sun.

The NSI warning was: "Don't let embarrassment keep you on the field. If you feel dehydrated or sick, tell your coach right away."

The other ISN warning on Twitter was: "Pay attention to early signs and symptoms of dehydration."

However, none of the semifinals — Terengganu Hockey Team, Maybank, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) and Tenaga Nasional requested Tournament Director, Juvir Singh for the matches to be held at a later time, to avoid heat stroke.

"The first plan was to hold one semi-final at Tun Razak and the other at the Tengku Abdullah Stadium in Bangi simultaneously at 5pm. But one team wanted to play in Terengganu, and another team in Ipoh.

"And since there was no con-

sensus, we decided to play at the Tun Razak at 3pm and 5pm for both legs," said Juvir.

The seven stadiums in the Klang Valley all have defects, which made them unplayable.

As the Tun Razak Stadium has bad lighting, night matches can't be played there at night.

And both the stadiums at Bukit Jalil are under repair after shoddy workmanship saw the pitches become brittle inside one year.

The newly laid Petaling Jaya City Council Stadium is also under repair even though it was laid less than a year ago.

The over-used Kuala Lumpur HA Stadium in Jalan Pantai has water pump issues, making it dry as a desert. And next to KLHA Stadium, the Ministry of Education Stadium is unsuitable because of a bumpy pitch — and it was also recently turfied.

The UiTM Stadium in Shah Alam has good lighting as well as water pumps, but it was also found to be too bumpy and



Maybank's Muhammad Hafzi Zainuddin (right) tries to go past UniKL's Valentin Verga at Tun Razak Stadium yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

poorly laid.

And even the brand new Tengku Abdullah Stadium in Bangi is already plagued with issues. Its pitch is bumpy while its lights are yet to be tested and approved for night matches.

To make things bearable for the players, Juvir and his team changed some rules.

* Players were allowed four minutes of water breaks (instead of two).

* Players were allowed to run to the sidelines and drink whenever they want.

* Bottles of water are allowed to be kept at the back of goal-

mouths, and the goalkeepers are allowed to remove their helmets when not under attack.

And for those players and officials steaming on the reserves' bench, electric fans were given.

"Hopefully, this will help players to cool down," said Juvir.

Maybank and UniKL players had to do their warm-up at 2pm, an hour before the game.

Perhaps, they could have skipped it as the blazing sun was enough to heat them up.

In the end, UniKL proved too hot for Maybank with a 4-1 triumph while Terengganu HT overpowered Tenaga Nasional 3-1.



LAMPIRAN 5
NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 1
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)



LAMPIRAN 5 (SAMB.) NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 4 TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

HEATWAVE

'HUMAN ACTIVITY CAUSE OF WEATHER WOES'

Problem can be addressed if public cares more for environment, says EcoKnights chief

AUDREY VIJAJENDREN
KUALA LUMPUR
cnews@nstp.com.my

SEVERAL factors have contributed to the current erratic weather, most of them brought on by ourselves.

EcoKnights president Yasmin Rasyid said while global carbon emissions or CO2 concentrations might be a factor, human activity was the main culprit.

"Anthropogenic, meaning human activity, is shown to be the reason we are in this predicament. Man-made factors are the reasons the weather is unpre-

dictable," said the non-governmental organisation's head.

"The bottom line is that human activities have and are contributing to the erratic weather from traffic congestion to land clearing to bad water management to pollution.

"If we want our weather to get better, human activities that are polluting the environment need to be reduced."

Yasmin said there were ways to solve the problem, one of which was driving less.

"Drive less, throw less, consume with care, buy what you can consume, no wastage, don't burn rubbish, go back to doing the basic things we should be doing responsibly at home and at work."

She said for kids who were learning about the concept of global warming, this was the best time to educate them.

"Since a majority of public schools are gearing up for sports (activities), pack loads of water, chilled water, for them as they will

be exposed to the sun.

"Get a good vacuum flask (and fill it with water) and make sure the children stay hydrated."

"One of the dilemmas is that sports activities at schools are conducted in the evening, while lessons are done in the morning."

She said schools must adapt and conduct sports activities in the morning and classes in the evening.

Parent Pressana Pillai, 45, said in the past, children were used to hot weather, but kids nowadays were too accustomed with playing with their gadgets in air-conditioned rooms.

"Their bodies are not accustomed to the change in weather."

"They are pampered, but it is

not their fault.

"We (parents) have sheltered them to the point their bodies can't adapt to it."

Father of two Kenny Tan, 39, said his son had been using a mist spray to cool him down.

"We (parents) are worried, and try to give our children whatever is needed. I told my son to drink lots of water. But today (yesterday), he told me that the school's (in Subang Jaya) canteen and toilets ran out of water."

"Are the school's authorities waiting for an untoward incident to occur before ensuring proper safety measures are adhered to? Not all of us can afford to send our children to private schools. The basics (such as water) should be provided in pub-

lic schools."

Environmentalist Amlir Ayat echoed Yasmin's opinion.

"Drink a lot of water, especially if you are involved in strenuous outdoor activities. You should also wear loose and light coloured clothes."

"Plan your activities well. Reduce outdoor activities, especially during the day. Be informed of the latest news on the weather and educate yourself on the reason behind the heat wave."

He said although there was no official statement from the Meteorological Department since early last month suggesting that the drastic change in weather could be the result of tropical storm Pabuk from Thailand, it was understood that the condition was aggravated by factors, such as "urban heat island" and air pollution.

"In general, aggressive anthropogenic activities or lifestyles have contributed to the current weather condition."



Yasmin Rasyid

Experts: Hot weather not linked to late sunrise

KUALA LUMPUR: Early risers may have noticed something odd this month.

The sun is rising later, and there has been speculation that it is tied to the hot spell the country has been experiencing.

Environmentalists have, however, confirmed that the late sunrise is a natural phenomenon, which typically occurs during the first three months of the year.

It is not related to the current hot and dry weather, and people should thus not be alarmed. It has, however, drawn attention to the need to pay more attention to the environment.

The Meteorological Department said Malaysians should not be worried about the erratic weather condition.

However, environmentalists said more attention should be given to the environment before it was too late.

Senior lecturer Dr Mohd Yusoff of Universiti Putra Malaysia's Environmental Studies Faculty said Malaysia was facing "unnatural

weather situations".

"But it is manageable if we take precautions."

"There are measures which should have been taken earlier, such as planting trees. But now, the trees that are newly planted are too young to help the environment."

He said while the situation would only get worse, there were steps that could be taken to help the future generation.

"Development should be carried out properly."

"People must ensure they are not doing more damage to the environment."

"We have not reached the stage (where the country's temperature) is more than 40°C. But we need to address this situation now."

Malaysian Youth Delegation capacity building coordinator Kelvin Diong hoped Malaysia would adopt a comprehensive framework towards not just mitigating climate change, but also adapting to it.

Stop open burning, Fire Dept urges public

SEREMBAN: The Fire and Rescue Department urged the public not to carry out open burning, especially in the current dry spell.

Its director-general, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, said open burning should be avoided as it not only posed problems for firefighters to put it out, but it also destroyed the environment.

"Dry weather tends to ignite and spread fire faster. This makes it difficult to control and put it out. Open burning can also lead to grass, bush and forests fires. Those who go mountain or hill climbing are reminded to extinguish their (camp) fires correctly. They must not to throw cigarette butts indiscriminately as it can cause fires."

"The department has identified the locations of bush fires. It has also identified fire prone areas in forests peatlands. We are monitoring and getting ready to face any situation. For this week



Fire and Rescue Department director-general Datuk Mohammad Hamdan Wahid (centre) greeting award recipients at the Negri Sembilan Fire and Rescue Department Excellence Service awards ceremony in Seremban yesterday. PIC BY ADZLAN SIDEK

alone, we have detected open burning in in Nilai and Sepang, but they are under control."

He said this after the presentation of state Fire and Rescue Department Excellence Service awards to 71 officers and personnel, as well as 30-year service certificates to four officers and personnel here yesterday. Present was the department's state director Norazam Khamis.

He said Sepang was identified as the largest peatland in the Klang Valley and was a sensitive area too as it was near the Kuala Lumpur International Airport.

"The peatland is flammable, es-

pecially during hot weather."

Commenting on the Dragon Star 1 passenger ferry that caught fire in Langkawi on Monday, he said the department's forensic team and other agencies were investigating the cause.

In the 2.45pm incident, 52 ferry passengers were rescued after the ferry they were travelling in caught fire as it departed from the Kuah Ferry Terminal in Langkawi to Kuala Perlis.

Meanwhile, Norazam said 77 cases of bush fires and 140 cases of grass fires were reported in the state from Jan 1 to Feb 18 this year. **Bernama**

LAMPIRAN 5 (SAMB.)
NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 5
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)



LAMPIRAN 6
KOSMO (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 6
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Lapan kawasan masih dilanda cuaca panas terik

KUALA LUMPUR - Sebanyak lapan kawasan masih dikategorikan berada dalam tahap satu iaitu berjaga-jaga ekoran fenomena gelombang haba yang dijangka melanda Malaysia dalam masa terdekat.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), lapan kawasan itu meliputi Kepong, Kuala Lumpur manakala di Perak melibatkan Hulu Perak, Kinta dan Kuala Kangsar.

Katanya, di utara tanah air pula melibatkan kawasan seperti Chuping, Perlis manakala masing-masing tiga kawasan di Kedah iaitu Kota Setar, Kubang Pasu dan Sik.

"Kesemua kawasan itu masih mencatatkan suhu maksimum harian melebihi 35 darjah Celsius sehingga 36.9 darjah Celsius," katanya menerusi laman web rasmi jabatan itu di sini semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Kosmo! semalam melaporkan sebanyak 10 kawasan di Malaysia dilanda panas terik dengan mencatatkan bacaan suhu harian menghampiri 37 dar-

jah Celsius.

Bagaimanapun, dua lagi kawasan yang mencatatkan suhu panas terik kelmarin iaitu Tangkak, Johor dan Maran, Pahang berada

pada tahap biasa dengan suhu harian kurang daripada 35 darjah Celsius.

MetMalaysia sebelum ini menjelaskan, suhu panas terik itu dijangka berlarutan hingga hari ini berikutan negara berada pada penghujung Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada hujung Mac depan.

"Keadaan cuaca panas yang melanda kebanyakan kawasan di negara ini

dijangka mula beransur reda bermula hujung April depan selepas fasa peralihan yang membawa banyak taburan hujan ke seluruh negara," ujarnya.

Pada tahun 1998, gelombang haba yang teruk pernah melanda negara akibat fenomena El Nino sehingga berlaku catuan air akibat krisis bekalan air bersih di Lembah Klang selama enam bulan bermula April.

LAMPIRAN 7
SINAR HARIAN (BISNES SINAR): MUKA SURAT 43
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Teksi miliki SMART AI

*Tidak libatkan
kenaikan kadar
tambang sebaliknya
kekalkan harga
sedia ada*

SEPANG

Kira-kira 2,100 teksi yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) akan dilengkapi dengan peralatan SMART AI pada akhir tahun ini.

SMART AI adalah aplikasi pintar berteraskan kecerdasan buatan, yang boleh merakam setiap pergerakan pemandu serta penumpang dan dihubungkan terus dengan pusat kawalan.

Teksi dilengkapi SMART AI dengan kemudahan kamera berdefinisi tinggi, pembesar suara



Sebanyak 300 teksi akan dipasang SMART AI sebagai peringkat permulaan.

dan butang panik itu dikendalikan bersama Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) dan Teguh Tunggal Sdn Bhd selaku pembekal peralatan.

Bercakap kepada pemberita mengenai inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi di sini semalam, Presiden Petekma, Mohd Syahrir Abdul Aziz

berkata SMART AI mampu menghentikan kenderaan secara serta merta jika pemandu tidak mematuhi arahan keselamatan yang diberikan pusat kawalan.

"Pemandu akan dipantau rapi seperti tahap tumpuan pada pemanduan, leka atau melakukan kesalahan seperti merokok atau bergaduh. Jika tahap berbahaya, pusat kawalan akan memberi

peringatan tentang tindakan yang perlu diambil, malah boleh menghentikan kenderaan jika keadaan bertambah teruk," katanya.

"Bagi penumpang pula, SMART AI akan memastikan mereka dilindungi insiden tidak sepatutnya seperti diminta membayar tambang lebih, diganggu atau dimarahi pemandu sepanjang perjalanan," katanya lagi.

Mohd Syahrir berkata, untuk permulaan 300 teksi akan dipasang SMART AI sebelum penggunaannya diperluas kepada semua kereta sewa di bawah persatuan itu secara berperingkat selepas ini.

Beliau berkata penggunaan SMART AI itu tidak akan melibatkan kenaikan kadar tambang sebaliknya harga yang ditetapkan kerajaan dikekalkan.

Kadar terkini laluan KLIA ke Kuala Lumpur ialah RM83 bagi teksi bajet, premium RM118 manakala bagi mewah dan keluarga, kadar ditetapkan adalah RM233. - Bernama

LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 10
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

SUHU MAKSIMUM LEBIH 40 DARJAH CELSIUS

Gelombang haba fenomena berulang

Dari Kaca Mata



Prof Dr Fredolin Tangang

Pengerusi Pusat Sains Bumi dan Alam Sekitar, UKM

Dengan suhu maksimum boleh melebihi 40 darjah Celsius di setengah kawasan, gelombang haba dan cuaca panas serta kering yang melanda negara ketika ini menggusarkan, terutama bagi mereka yang perlu melakukan aktiviti di luar pada waktu puncak iaitu dari tengah hari hingga ke petang.

Orang ramai perlu mengambil langkah perlu untuk meminimumkan risiko strok haba yang boleh menyebabkan kematian. Misalnya, kegiatan luar bagi pelajar sekolah mungkin perlu dijadualkan semula ke sebelah pagi. Orang awam mungkin ingin tahu, apakah faktor yang menyumbang kepada cuaca panas dan kering yang dialami ketika ini.

Sebagai penyelidik di UKM dalam bidang iklim, saya ingin berkongsi ulasan dan pandangan mengenai fenomena ini untuk kefahaman umum. Penerangan ini adalah berdasarkan kepada hasil penyelidikan saya dan kumpulan di Pusat Sains Bumi dan Alam Sekitar (PSBAS), UKM. Sebenarnya, gelombang haba seperti ini bukanlah sesuatu yang tidak pernah berlaku di Malaysia.

Malah, ia fenomena yang berulang, disumbang oleh kesan pelbagai fenomena yang berlaku secara serentak. Kesan tindakan pelbagai fenomena ini menjadikan suhu meningkat lebih tinggi daripada suhu normal.

Hampiri fenomena ekuinoks

Tiga fenomena yang menyumbang kepada peningkatan suhu yang kita alami pada ketika ini. Pertama, kita berada di penghujung musim monsun timur laut dan secara kebiasaannya jumlah penurutan hujan pada ketika ini agak rendah dengan kekurangan kelembapan dan litupan awan. Ini akan meningkatkan pancaran sinaran matahari ke permukaan bumi (atau insolasi) dan seterusnya meningkatkan jumlah haba dan suhu udara.

Ketiadaan hujan menghilangkan proses penyejukan dan menghalang penurunan suhu. Kita juga berada di penghujung Februari dan semakin menghampiri fenomena ekuinoks iaitu matahari

berada di atas garisan khatulistiwa yang setiap tahun berlaku pada 20 Mac. Ini bermakna insolasi semakin meningkat dan ini meningkatkan jumlah haba yang diserap permukaan bumi, seterusnya meningkatkan suhu.

Kesan fenomena Ayunan Madden-Julian

Faktor kedua adalah kesan fenomena Ayunan Madden-Julian, suatu fenomena semula jadi iklim yang bergerak dari Lautan Hindi ke Lautan Pasifik merentasi kawasan Malaysia dan Indonesia pada kekerapan sekali dalam 20 hingga 60 hari. Pergerakan fenomena ini boleh dicirikan dengan 8 fasa dengan pergerakan pusat 'perolakan meningkat' diikuti oleh pusat 'perolakan terhalang'.

Menariknya, menurut kajian saya dan kumpulan di PSBAS, UKM, fenomena ini boleh menyebabkan curahan hujan di Malaysia meningkat atau menurun bergantung kepada musim ia berlaku dan fasa fenomena ini serta jenis pusat perolakan yang merentasi kawasan kita.

Pada ketika ini, fenomena ini berada pada fasa 8 dan pusat 'perolakan terhalang' berada di atas rantau Malaysia dan Indonesia, menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pencapahan kelembapan dan menghalang hujan dari berlaku.

Ketiadaan hujan dan kekurangan litupan awan meningkatkan suhu seperti yang kita alami pada masa ini. Mengikut Pusat Ramalan Iklim di Amerika Syarikat, dalam masa seminggu atau lebih pusat perolakan terhalang ini akan bergerak ke timur meninggalkan kawasan kita dan kemudiannya diikuti oleh pusat perolakan meningkat. Ini dijangka boleh menarik kelembapan dan hujan ke kawasan ini dan seterusnya menurunkan suhu.

Faktor ketiga yang paling utama adalah sumbangan fenomena El Nino Modoki yang kini sedang berlaku. El Nino Modoki, merujuk kepada jenis El Nino yang dikaitkan dengan peningkatan suhu permukaan laut di bahagian tengah dan barat Lautan Pasifik, bukannya di bahagian timur seperti berlaku semasa El Nino jenis biasa.

Menurut kajian saya dan kumpulan juga, pada Januari hingga Mac atau April, semasa fenomena El Nino Modoki berlaku, bahagian utara Sarawak, Sabah dan utara Semenanjung Malaysia akan mengalami kemarau dan peningkatan suhu seperti yang kita alami ketika ini.

Ternyata pelbagai kelakuan dan ayunan pelbagai fenomena iklim mampu mempengaruhi keadaan corak penurunan hujan, turun naik suhu dan mengganggu kelangsungan kegiatan seharian kita. Malah, cuaca ekstrem yang terjana boleh membawa kemusnahan. Pada dekad mendatang, keadaan dijangka semakin rumit dengan peningkatan suhu akibat pemanasan global.

LAMPIRAN 9
KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 41
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Kapal angkasa Jepun tembak peluru ke dalam asteroid

TOKYO, Jepun – Sebuah kapal angkasa lepas milik Jepun telah menembak sebutir peluru ke dalam sebuah asteroid yang terletak kira-kira 299 juta kilometer dari Bumi untuk mengambil sampel debu daripada permukaannya.

"Kami berjaya membuat pendaratan yang baik termasuk menembak sebutir

Pelik

peluru ke dalam asteroid Ryugu," kata penyelia kapal angkasa Hayabusa-2, Yuichi Tsuda.

Peluru tersebut sebesar hujung jari manusia dan diperbuat daripada logam

istimewa dipanggil tantalum dan mencapai kelajuan lebih 1,000 kilometer sejam ketika ditembak menggunakan senapang angkasa lepas bertekanan tinggi.

Hayabusa-2 mengumpul debu serta batu angkasa di permukaan asteroid Ryugu pada Rabu lalu dan saintis berharap ia dapat membawa sampel itu pulang ke Bumi

apabila misinya tamat pada tahun 2020.

Ryugu adalah sebuah asteroid berbentuk seperti dadu yang mengelilingi orbit di antara Bumi dan Marikh dipercayai mengandungi sejumlah besar bahan organik dan air sejak 4.6 bilion tahun lalu ketika sistem suria kita mula terbentuk.

– Agensi



AGENSI
PELURU yang ditembak Hayabusa-2 ke dalam asteroid Ryugu pada Rabu lalu.



AGENSI
ILUSTRASI artis menunjukan kapal angkasa Jepun, Hayabusa-2 mendarat di asteroid Ryugu.

LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 44
TARIKH: 27 FEBRUARI (RABU)

Bongkah ais gergasi hampir terpisah dari Antartika

WASHINGTON 26 Feb. - Sebuah bongkah ais gergasi, dua kali ganda lebih besar dari bandar New York City dilaporkan semakin hampir untuk terpisah dari Pelantar Ais Shelf di Antartika.

Imej yang dikeluarkan oleh Agensi Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik (NASA) menunjukkan, bongkah ais itu

berada dalam keadaan hampir terpisah berikutan keretakan besar pada landskap beku berkenaan sejak Oktober 2016.

Lapor portal *Mirror*, sebalik sahaja proses rekahan selesai, bongkah ais itu dijangka terpisah dari Pelantar Ais Shelf dan terapung di perairan Antartika.

Sejak rekahan itu dikesan, penyelidik memantau

rapi kejadian itu menerusi rakaman imej satelit dan terbaharu NASA mengesan jurang antara bongkah

terbabit semakin membesar. Penyelidik bagaimanapun menganggap fenomena itu bukannya sesuatu yang luar biasa sebaliknya adalah kejadian semula jadi yang boleh berlaku secara kerap.

Susulan rekahan pertama yang juga dikenali sebagai retakan Halloween, stesen Penyelidikan Halley yang dikendalikan oleh Pusat Kajian Antartik British (BAC) terpaksa ditempatkan semula sejak akhir 2016.

Jurucakap BAC memberitahu, keselamatan kakitangan adalah agenda

utama mereka, bagaimanapun mereka akan terus memantau pergerakan bongkah ais itu.

"Berdasarkan rakaman imej menggunakan peranti resolusi tinggi, kami mendapati berlaku pelebaran rekahan di kawasan itu sejak pertengahan Januari lalu, namun keadaannya masih belum serius," katanya. - AGENSI

BONGKAH ais gergasi, dua kali ganda lebih besar daripada bandar New York City dilaporkan semakin hampir untuk terpisah dari Pelantar Ais Shelf di Antartika. - AGENSI

